

SIARAN MEDIA

13 Ogos 2015

15 BUAH SEKOLAH BERENTAP DI PERTANDINGAN WACANA KESELAMATAN ICT KEBANGSAAN : PIALA CABARAN CYBERSAFE 2015 PERINGKAT SEPARUH AKHIR DI JOHOR BAHRU

JOHOR BAHRU (13 Ogos 2015) – CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) serta sokongan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengadakan Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan : Piala Cabaran CyberSAFE 2015 atau ringkasnya NICTSED 2015. Pertandingan peringkat kelayakan dan suku akhir ini telah berlangsung di Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) Negeri Johor manakala peringkat separuh akhir pula diadakan di Jabatan Pendidikan Negeri Johor di Johor Bahru dari 8 hingga 13 Ogos 2015.

Pertandingan yang mula diadakan pada tahun 2013 merupakan acara tahunan anjuran CyberSecurity Malaysia di bawah program ‘CyberSAFE™ In School’. Ia bertujuan untuk memupuk serta menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan murid-murid sekolah menengah juga para guru mengenai isu-isu semasa berkaitan ICT, keselamatan siber dan penggunaan Internet secara positif, di samping meningkatkan kesedaran murid sekolah serta guru berhubung kepentingan keselamatan siber.

Selain itu, ia juga membantu murid-murid sekolah menambah keyakinan diri melalui pengucapan awam (*public speaking*), memupuk semangat kerja berpasukan serta memperkasakan diri untuk persiapan mereka dalam dunia kerjaya yang akan ditempuhi kelak.

“Pertandingan berbentuk perbincangan dan pembentangan kertas cadangan (wacana) memperlihatkan tahap persaingan yang tinggi dalam kalangan para peserta, di mana mereka perlu membuat analisa perbandingan dan pemahaman mengenai isu-isu keselamatan siber.” Ujar Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Operasi, CyberSecurity Malaysia.



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my

Sebanyak 15 buah sekolah menengah dari seluruh negara mengambil bahagian di dalam pertandingan yang diadakan di negeri Johor bagi menentukan kelayakan ke peringkat akhir yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 8 September 2015 sempena penganjuran Persidangan Cyber Security Malaysia – Awards, Conference and Exhibition (CSM-ACE) 2015 anjuran CyberSecurity Malaysia.

Sementara itu, menurut Dr. Zahri Hj Yunos, Ketua Pegawai Operasi, CyberSecurity Malaysia selaku juri pertandingan, “penglibatan sekolah pada tahun ini dari segi kualiti pembentangan murid-murid sekolah serta pemahaman mereka dalam mengupas isu-isu berkaitan keselamatan siber didapati meningkat. Ia meliputi pelbagai aspek seperti penggodaman, jenayah siber dan perlindungan data peribadi. Kami berharap, maklumat yang diperolehi dapat dikongsi bersama rakan-rakan serta ahli keluarga mereka.”

“Bagi pihak CyberSecurity Malaysia, kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor yang telah menjadi hos pertandingan peringkat separuh akhir ini.” Tambah Ketua Pegawai Ekesekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab.

NICTSeD 2015 juga turut disokong oleh rakan-rakan kerjasama strategik seperti BAE Systems, CIMB Bank dan DiGi Telecommunications.

~ Tamat ~

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to info@cybersecurity.my

Stay connected with us on social networks: facebook/ CyberSecurityMalaysia, twitter/cybersecuritymy, youtube/cybersecuritymy, instagram/CyberSecurity_Malaysia.

For further enquiries about this document, please email: media@cybersecurity.my or call +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) or Sandra Isnaji (ext: 6977)